

Bahasa Melayu

Tonggak Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan

Dalam pembentukan sebuah negara bangsa yang berdaulat, perlembagaan merupakan elemen penting yang menjadi “pengikat” keseluruhan penduduk di negara tersebut, sama ada melibatkan pemimpin tertinggi negara, para pentadbir, badan kehakiman, hinggalah rakyat biasa. A.S. Hornby dalam *Oxford Advanced Learner’s Dictionary* mendefinisikan perlembagaan sebagai satu sistem berkerajaan yang menvatakan bahawa undang-undang dan prinsip-prinsip kerajaan tersebut yang dijadikan panduan dan asas bagaimanakah sesebuah negara itu diperintah, manakala menurut Md. Bohari Ahmad (1997), perlembagaan merupakan satu dokumen yang mengandungi semua undang-undang asas negara. Keseluruhannya, perlembagaan ialah undang-undang tertinggi di dalam negara yang mengandungi prinsip-prinsip asas yang menjadi “perjanjian suci” antara rakyat dengan kerajaan bagi memelihara “roh” pembentukan sebuah negara bangsa agar tidak lari daripada waad ataupun kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama. Dalam konteks pembentukan Perlembagaan Persekutuan, unsur tradisi amat penting bagi pembentukan negara bangsa berdasarkan identiti teras bangsa peribumi di negara Malaysia yang bertujuan memupuk persefahaman dan perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.

Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan juga telah menjadi teras utama kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh keseluruhan rakyat dengan rela hati untuk menjadi warganegara di negara ini apabila ingin mencapai kemerdekaan. Unsur tradisi tersebut meliputi empat

- elemen teras, iaitu institusi beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera.
- Keempat-empat unsur tradisi ini diserapkan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi membentuk kestabilan politik dan pengekalan *status-quo* unsur-unsur tersebut dalam negara sebelum terhasilnya Perlembagaan Persekutuan pada masa kemerdekaan negara.
- Dalam konteks penulisan ini, unsur tradisi berkaitan bahasa Melayu diulas bagi mengesahkan bahawa peranan bahasa Melayu sebagai tonggak bagi memastikan kelangsungan sebuah negara bangsa yang makmur dan progresif dikekalkan.
- Faktor bahasa Melayu yang telah bertapak lama di alam Melayu ini telah menjadikan agenda bahasa tersebut sentiasa mendapat “kedudukan istimewa” dalam pembinaan negara bangsa semasa negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
- Pada abad keenam hingga ketujuh Masihi, telah terdapat Kerajaan Langkasuka di Segenting Kra, Kerajaan Sriwijaya di Sumatera pada abad ketujuh hingga ke-15 Masihi, dan Kerajaan Majapahit di Jawa pada abad ke-10 hingga abad ke-14 belas Masihi. Pemerintahan kerajaan tersebut yang mencapai tahap “terbilang” dalam urusan pentadbiran dan perdagangan telah menggunakan bahasa Melayu kuno sebagai bahasa utama di Alam Melayu yang bersifat maritim. Kegemilangan Kerajaan Melayu tersebut jelas membuktikan bahawa bahasa Melayu telah mempunyai sejarah yang amat panjang, dan tidak keterlaluan dikatakan bahasa dan bangsa Melayu melangkah beriringan dalam menempuh segala cabaran untuk mengekalkan kelangsungan bahasa dan bangsa Melayu itu sendiri. Namun,

- bahasa Melayu telah mencapai puncak kegemilangan pada zaman Kesultanan Melaka, iaitu pada kurun ke-15. Menurut Tome Pires dalam bukunya *The Suma Oriental of Tome Pires*, terdapat 84 bahasa dituturkan di pelabuhan Melaka. Namun, bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca*, iaitu perkataan Latin yang bermaksud bahasa perantaraan atau bahasa perhubungan antara masyarakat atau orang yang berlainan bangsa.
- Hal ini selari dengan status Melaka sebagai pusat pelabuhan terkenal dan paling sibuk di Asia Tenggara pada masa itu. Pada masa tersebut, arus globalisasi telah berlaku dengan hebat tetapi bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan pelbagai kaum berkaitan aktiviti perdagangan dan urusan pentadbiran di alam Melayu. Khususnya Kerajaan Melayu Melaka.
- Selain itu, bahasa Melayu juga telah menjadi “pelaku” utama dalam pelbagai ranah kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi, menyebabkan bahasa tersebut menjadi unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Kita tidak boleh menyangkal bahawa bahasa Melayu telah memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun ilmu pada zaman kegemilangan Kesultanan Melaka, khususnya yang berkaitan bidang keagamaan, persuratan dan perundangan.
- Bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama dalam penyebaran agama Islam dan kegiatan intelektual di Alam Melayu. Karva *Hikayat Muhammad Ali*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* merupakan Kitab Islam yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu. manakala *Hikayat Bulan Belah*, *Hikayat Nabi Berukar*, *Hikayat Bakhtiar*, *Hikayat Nabi Wajaf* dan *Hikayat Nabi Yusof* merupakan karya sastra saduran yang

menggunakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga hikayat Melayu yang telah dihasilkan menggunakan bahasa Melayu, antara karya tersebut termasuklah *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Bayan Budiman*. Bahasa Melayu juga telah memainkan peranan sebagai bahasa undang-undang dengan terhasilnya *Hukum Kautun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Segala hasil penulisan tersebut telah menggunakan tulisan Jawi dalam karya-karya tersebut.

Tambahan pula, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa negara disebabkan sifat "ketahanan" dan "mampu hidup" bahasa tersebut walaupun menghadapi cabaran dan tekanan daripada pihak peniaiah. Kemampuan bahasa Melayu mengekalkan kelestariannya merupakan salah satu ciri untuk menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa utama dalam negara. Contohnya, pihak Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun berniaia menguasai kerajaan di Tanah Melayu, namun pihak peniaiah tidak berjaya "menawan" dan "membunuh" bahasa Melayu itu sendiri. Malahan, sesuatu yang amat menakutkan telah berlaku, walaupun orang Melayu telah diasak dengan arus globalisasi dengan hebat pada zaman tersebut kerana dijajah oleh bangsa asing, namun usaha untuk mengekalkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa yang digunakan dalam ranah tinggi tetap dipertahankan dan diteruskan. Selepas ketiadaan Kerajaan Melayu Melaka, maruah bahasa Melayu telah dipertahankan oleh Kerajaan Johor-Riau yang telah menjadi pusat kegiatan persuratan Melayu pada sekitar abad ke-16 hingga abad ke-18. Antara karya agung yang telah dihasilkan termasuklah *Sejarah Melayu* oleh Tun Sri Lanang pada tahun 1612. Selanjutnya,

pengarang terkenal pada masa tersebut, iaitu Raja Ali Haji pula menghasilkan karya *Bustan al-Katibin* (1857), *Pengetahuan Bahasa* (1859), *Salasilah Melayu dan Bugis*, dan *Tuhfat al-Nafis* (1865). Pada ketika itu juga, di Johor, terdapat beberapa hasil penulisan seperti *Hikayat Negeri Johor* dan *Kitab Pemimpin Johor*. Hal ini jelas membuktikan Johor-Riau ketika itu telah menjadi pusat persuratan Melayu di seluruh kawasan kepulauan Nusantara. Selain itu, muncul pula pelbagai pusat tamadun ilmu di Alam Melayu bagi menggantikan peranan yang telah dimainkan oleh Melaka seperti Aceh, Pasai, Palembang, Pattani dan Banjarmasin. Di kawasan tersebut, lahir tokoh ilmuwan Melayu Islam seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Svamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf Singkel, Abdul Samad al-Falambani, Syekh Daud al-Fatani, Arsvad al-Banjari dan yang lain-lain yang diiktiraf sebagai sarjana dan pendukung tamadun Melayu Islam yang tinggi.

Sifat "tahan lama" bahasa Melayu juga terbukti pada zaman pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu, khususnya sebelum berlaku Perang Dunia Kedua. Bahasa Melayu terus digunakan untuk tujuan urusan rasmi di kelima-lima buah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Bahasa Melayu juga digunakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, khususnya di jabatan-jabatan tertentu, seperti di pejabat polis yang terdiri daripada pegawai-pegawai pelbagai kaum. Para pegawai dari Eropah yang dikehendaki bertugas di Tanah Melayu dikehendaki mempelajari bahasa Melayu dan mesti lulus dalam peperiksaan bahasa Melayu sebelum iawatan mereka disahkan sehingga terdapat dalam kalangan mereka yang menjadi sarjana

dalam bahasa dan kebudayaan Melayu seperti R.O Winsted, J.R Wilkinson, C.C Brown, W.E Maxwell, W.G Shellaber, dan J. Crawford. Senario "luar biasa" ini membuatkan bahasa Melayu sememangnya layak untuk diulang sebagai bahasa negara disebabkan para pegawai Inggeris pun boleh berbahasa Melayu dengan baik ketika mentadbir, apatah lagi rakyat Malaysia yang sememangnya dilahirkan dalam persekitaran yang menggunakan bahasa Melayu.

Namun, senario kegemilangan tersebut berubah selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini berlaku apabila para pegawai tadbir Inggeris yang baharu, iaitu yang kebanyakan mereka terdiri dalam kalangan pegawai tentera, tidak mengetahui bahasa Melayu. Oleh hal yang sedemikian, kedudukan bahasa Melayu pada masa itu telah "terancam". Mereka telah mewujudkan kelompok "tuan" dan segala yang bersangkutan dengan nilai keinggerisan diberikan nilai yang tinggi, termasuk bahasa mereka. Bahasa Inggeris telah diberikan kedudukan yang tinggi apabila dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam sistem persekolahan. Kecemerlangan pendidikan Inggeris dijadikan asas untuk menjawat jawatan yang tinggi dan naik pangkat dalam kerjaya. Dalam kalangan orang Melayu sendiri telah melahirkan kelompok elit yang menguasai bahasa Inggeris dan memegang jawatan yang tinggi di jabatan kerajaan. Bahasa Melayu pada masa itu hanya digunakan pada peringkat paling rendah dan hanya dianggap sebagai salah satu bahasa ibunda di Tanah Melayu. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pemerintahan Inggeris telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, bahasa pentadbiran

serta bahasa perdagangan. Namun, bahasa Melayu tidak terus "mati", malahan masih bernyawa disebabkan golongan berpendidikan Melayu atau Arab terus menghasilkan penulisan berkaitan kebahasaan dan kesuasasteraan Melayu di dalam negara bagi menangani arus "ganas" dan "rakus" ini akibat daripada imperialisme bahasa yang cuba dilakukan oleh para pegawai negara penajiah tersebut.

Kemerosotan bahasa Melayu tidak berterusan di Tanah Melayu disebabkan terdapatnya para "singa bahasa" seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), Abdul Rahim Kajai dan Tun Syed Nasir yang menjadikan agenda bahasa Melayu sebagai "inti" utama dalam arus mencapai kemerdekaan negara pada tahun 1957. Pada awal abad ke-20, semangat kebangsaan terus bersemarak dan orang Melayu mula mengorak langkah untuk mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu. Para wartawan, budayawan, guru Melayu, dan ahli politik bergandeng bahu memperjuangkan cita-cita ini. Akhbar dan majalah seperti *Al-Imam*, *Neracha*, *Warta Malaya*, *Al-Ikhwan*, *Saudara* dan lain-lain telah dijadikan wadah untuk berjuang mencapai kemerdekaan, di samping mendaftarkan bahasa Melayu pada masa tersebut. Akhirnya usaha tersebut berjaya kerana dasar bahasa menjadi salah satu kontrak sosial yang diterima oleh rakyat pelbagai kaum di Persekutuan Tanah Melayu apabila negara berniaia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hasil kesepakatan kontrak sosial tersebut, maka wujudlah Dasar Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Selain itu, bahasa Melayu dipilih sebagai unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan disebabkan nilai kesopanan dan budi bahasa yang tinggi telah sebatu dalam diri orang Melayu melalui bahasa Melayu itu sendiri. Malahan, pihak kolonial pada masa pemerintahan Inggeris mengakui akan kehalusan dan kesantunan berbahasa melalui bahasa Melayu dalam kalangan orang Melayu seperti terkandung dalam buku *Introducing the Eastern Dependencies* (1949). Menurut buku tersebut orang Melayu dikenali sebagai *Nature's Gentlemen*, iaitu "Mereka punyai harga diri, kebanggaan, sifat kejenaikan yang tajam dan mereka pantang kalau dicemuh". Orang Melayu juga mempunyai sikap baik hati, suka berkenalan dan berkawan, suka kedamaian dan lemah lembut itu dibayangkan seperti yang berikut:

"Saudara jumpa sahaja satu kumpulan orang Melayu, bercakap dengan mereka, saudara akan terpegun dan terpaku dengan kelakuannya yang tinggi dan halus, dan dengan tertibnya. Bila orang lain bersorak dan berteriak, orang Melayu cuma berdiam dengan tenang. Biasanya dengan orang yang belum dikenali, mereka agak tidak banyak bercakap, tapi mereka dapat berbaik-baik dengan mudah dengan orang asing kerana mereka tidak punya perasaan rendah diri daripada orang lain. Suka akan kedamaian dan peraturan, mereka boleh tergelak dengan senang, suka akan tolaik ansur dan kebijaksanaan untuk mengelakkan pertengkaran dan suka benar pada jalan tengah". (*Introducing the Eastern Dependencies*:16)

Daripada pandangan pihak pengkaji Barat tersebut, jelas membuktikan orang Melayu pada masa itu mempunyai nilai keperibadian dan hati budi yang tinggi dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu yang terkenal dengan kesantunan, "wajib" diangkat sebagai bahasa utama negara bagi mewujudkan sikap saling menghormati antara kaum dalam negara ketika berkomunikasi bagi mengukuhkan perpaduan kaum di negara ini.

Kesimpulannya, termaterinya bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah sekadar bersifat tempelan ataupun semata-mata untuk dijadikan "penyedap hati" para pejuang kemerdekaan terdahulu. Sebaliknya, bahasa tersebut sebenarnya merupakan "anugerah terindah" Tuhan kepada penduduk di Alam Melayu itu sendiri yang menyebabkan bahasa tersebut perlu dimartabatkan di Alam Melayu, khususnya di negara kita ini. Malahan, sejarah kegemilangan yang amat panjang, sifat "tahan lama" bahasa Melayu walaupun diasak arus globalisasi, peranan bahasa Melayu dalam pelbagai tahap kehidupan manusia di Alam Melayu dan sifat kesantunan yang ada pada bahasa Melayu menyebabkan bahasa tersebut boleh "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan bahasa "agung" di dunia ini. Hal tersebut juga membolehkan bahasa Melayu mendapat kedudukan yang mulia dalam undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan. DB